

Terma dan Syarat Permintaan Persetujuan

Definasi

"**Hari Perniagaan**" bermaksud mana-mana hari kalendar dari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum atau hari cuti bank di Kuala Lumpur.

"**DuitNow**" atau "**Perkhidmatan DuitNow**" bermaksud perkhidmatan yang membolehkan anda membuat dan menerima pemindahan kredit segera melalui nombor akaun penerima atau ID DuitNow

"**ID DuitNow**" bermaksud pengecam identiti yang digunakan oleh pemegang akaun seperti nombor telefon bimbit, nombor kad pengenalan, nombor passport, nombor askar atau polis (untuk individu) dan nombor pendaftaran perniagaan (untuk korporat) atau pengecam identiti yang lain yang diperkenalkan oleh Pengendali DuitNow dari semasa ke semasa.

"**Consent Request**" atau "**Permintaan Persetujuan**" bermaksud perkhidmatan yang membolehkan anda atau pedagang meminta persetujuan pendaftaran atau penyelenggaraan menggunakan ID DuitNow anda.

"**Pengendali DuitNow**" bermaksud Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (Company No. : 200801035403[836743-D]).

"**Depositori Maklumat Kebangsaan**" (National Addressing Depository atau "NAD") bermaksud pusat depositori maklumat yang ditubuhkan oleh Pengendali NAD di mana ia menghubungkan akaun bank kepada ID DuitNow penerima dan memudahkan pelaksanaan pembayaran kepada penerima dengan merujuk kepada ID DuitNow penerima.

"**Peserta**" bermaksud bank dan bukan bank yang telah diberikan kelulusan untuk mengakses Platform RPP bagi membolehkan pembayaran dan penyelesaian transaksi RPP serta pertukaran Mesej "Non-Value".

"**Data Peribadi**" bermaksud apa-apa maklumat berhubung dengan transaksi komersial yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada seseorang individu, yang dikenal pasti atau dapat dikenal pasti dari maklumat yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama individu, alamat, nombor kad pengenalan, nombor pasport, maklumat perbankan, alamat e-mel dan butiran hubungan.

"**Kami**" atau "**Kita**" merujuk kepada United Overseas Bank (Malaysia) Bhd [Company Reg No. 199301017069 (271809-K)] dan termasuk semua para pengganti hak milik dan pemegang serah hak.

"**Anda**" atau "**Kamu**" merujuk kepada pelanggan yang menggunakan Perkhidmatan DuitNow yang disediakan oleh kami.

1. Pengenalan

1.1 Terma dan syarat ini akan terpakai ke atas dan mengawal penggunaan Perkhidmatan Consent Request yang disediakan oleh kami. Perkhidmatan Consent Request membolehkan anda untuk memberi persetujuan untuk pendaftaran atau mendapatkan persetujuan anda untuk didaftarkan oleh pembeli dari account bank anda yang ditetapkan atau akaun e-wang yang dikelaskan oleh

kami, kepada bank atau akaun e-wang yang dikekalkan oleh penerima anda di mana-mana peserta Consent, atau mana-mana pengendali Consent yang ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa.

- 1.2 Perkhidmatan Consent Request yang ditawarkan oleh kami adalah sebahagian daripada "Electronic Banking/perkhidmatan e-wang, dan terma dan syarat ini patut dibaca dan difahami sekali dengan Terma dan Syarat "UOB Personal Internet Banking and Mobile Services".

2. Perkhidmatan pendaftaran Consent Request

- 2.1 Kami akan maklumkan anda setiap status berjaya, gagal atau ditolak melalui saluran komunikasi yang kita sedia ada yang dipilih oleh anda.
- 2.2 Anda mengakui dan setuju bahawa kami tidak akan mengambil langkah selanjut untuk mengesah atau mendapat pengesahan bahawa penerima yang didaftarkan adalah penerima yang dimaksudkan, dan kami juga tidak bertanggungjawab atas pengesahan pendaftaran Consent Request walaupun penerima itu bukan yang dimaksudkan.
- 2.3 Merujuk Klausus 2.2 di atas, anda setuju jika Consent Request telah disahkan, ia dianggap tidak boleh ditarik balik dan anda tidak boleh membatalkan, menahan atau membuat apa-apa pembetulan kepada Consent Request tersebut.

3. Pemulihan Dana

- 3.1 Jika Consent Request melibatkan pengeluaran duit dari akaun anda, anda mempunyai hak untuk menyiasat dan meminta pemulihan bagi bayaran yang silap dan tanpa kebenaran (termasuk penipuan) Consent Request dan transaksi yang dibuat melalui akaun anda.

4. Consent Request Yang Tersilap

- 4.1 Jika anda mendapati terbuat Consent Request yang tersilap, anda boleh membuat permintaan bertulis untuk pemulihan dana dalam tempoh sepuluh (10) hari perniagaan dari tarikh permintaan Consent Request yang salah dibuat dan kami akan bekerjasama dengan bank/pengeluar e-wang penerima yang terjejas untuk memulangkan dana tersebut kepada anda dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan dengan syarat-syarat berikut dipenuhi:

- 4.1.1 Permintaan telah dihalakan secara salah ke dalam akaun penerima yang terjejas; atau
- 4.1.2 Jika dana telah didebit secara salah, sama ada baki dalam akaun penerima yang terjejas adalah mencukupi untuk menampung jumlah pemulihan dana:
- 4.1.2.1 Jika bakinya mencukupi untuk menampung jumlah pemulihan, dana yang dikreditkan secara tersilap mungkin boleh diperolehi semula; dan
- 4.1.2.2 Jika baki tidak mencukupi untuk menampung jumlah pemulihan, dana yang dikreditkan secara tersilap mungkin tidak boleh

dipulihkan sepenuhnya dan bank penerima/pengeluar e-wang boleh menyerahkan sebahagian dana yang dapat dipulihkan semula kepada Anda.

- 4.2 Permintaan untuk mendapatkan semula dana antara sebelas (11) hari perniagaan dan tujuh (7) bulan dari tarikh transaksi DuitNow yang salah dibuat:

- 4.2.1 Peserta penerima yang terjejas berpuas hati sepenuhnya bahawa dana telah tersilap dikreditkan kepada penerima yang terjejas; dan
- 4.2.2 Menghantar notifikasi kepada penerima yang terjejas secara bertulis mengenai permintaan pemulihan dana di mana dana yang dikreditkan secara tersilap akan dipulihkan melalui pendebitan akaun penerima yang terjejas dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan selepas pemberitahuan melainkan penerima terjejas memberikan bukti yang munasabah bahawa penerima terjejas berhak mendapat dana berkenaan. Selepas lima belas (15) Hari Perniagaan, jika penerima yang terjejas gagal membuktikan kelayakan mereka terhadap dana tersebut, bank/pengeluar e-wang penerima yang terjejas hendaklah mendebit akaun penerima yang terjejas dan memulangkan semula dana kepada Anda.

- 4.3 Permintaan untuk mengembalikan semula dana selepas tujuh (7) bulan dari tarikh permintaan Persetujuan yang salah dibuat:

- 4.3.1 Bank/pengeluar e-wang penerima yang terjejas berpuas hati sepenuhnya bahawa dana telah tersilap dikreditkan kepada penerima yang terjejas;
- 4.3.2 Bank/pengeluar e-wang penerima yang terjejas hendaklah mendapatkan keputusan daripada penerima yang terjejas sama ada untuk memberikan kebenaran dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan; dan
- 4.3.3 Sebaik sahaja persetujuan diperoleh, bank penerima yang terjejas/pengeluar e-wang hendaklah mendebit akaun penerima yang terjejas dan menyerahkan semula dana kepada Anda dalam masa satu (1) Hari Perniagaan.

5. **Permintaan Persetujuan Tanpa Kebenaran atau Penipuan**

- 5.1 Untuk sebarang Permintaan Persetujuan yang tidak dibenarkan oleh Anda atau penipuan, Kami akan mengembalikan semula dana kepada anda jika wang telah didebitkan, apabila kami menerima laporan daripada Anda yang mendakwa bahawa Permintaan Persetujuan yang tidak dibenarkan atau penipuan telah berlaku ,dengan syarat syarat berikut dipenuhi:

- 5.1.1 Kami akan menjalankan penyiasatan dan menentukan dalam tempoh empat belas (14) hari kalender (bersama-sama dengan bukti dan dokumen sokongan anda, jika diperlukan), jika pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan berlaku; dan
- 5.1.2 Jika Kami berpuas hati bahawa permintaan pembayaran yang tidak dibenarkan atau penipuan itu memang berlaku dan bukan disebabkan oleh Anda, Kami akan memulakan proses pembalikan di mana semua debit yang diposkan ke akaun Anda yang timbul daripada Permintaan Persetujuan yang tidak dibenarkan atau penipuan yang mana wang tersebut telah didebitkan akan diterbalikkan.

6. Liabiliti dan Indemniti

- 6.1 Anda mengaku dan bersetuju bahawa, kecuali dengan jelasnya dilarang di bawah undang-undang, mandatori, kami dan Pengendali DuitNow tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga untuk sebarang kerugian secara langsung, tidak langsung atau turutan, liabiliti, kos, ganti rugi, tuntutan, tindakan atau prosiding dalam apa jua bentuk sekalipun berhubung dengan apa-apa perkara dalam sebarang bentuk yang berkaitan dengan perkhidmatan DuitNow yang disediakan oleh kami yang timbul daripada:
- 6.1.1 Kecuaian, salah laku atau pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat ini oleh anda;
 - 6.1.2 Apa-apa kegagalan, kelewatan, kesilapan atau pindahan dana yang tidak berjaya disebabkan oleh penyelenggaraan system, kerosakan sistem atau ketersediaan mana-mana rangkaian, perisian atau perkakasan kami dan Pengendali DuitNow; atau
 - 6.1.3 Penggantungan, pembatalan atau penamatkan perkhidmatan DuitNow.
- 6.2 Anda akan menanggung rugi, mempertahankan dan tidak menyalahkan Kami, ahli gabungan kami, dan pengendali DuitNow daripada dan terhadap apa-apa tuntutan, prosiding, tindakan, kerugian, ganti rugi, kos (termasuk semua kos undang-undang atas dasar indemniti), liabiliti atau perbelanjaan, sama ada boleh dijangkakan atau tidak, diakibatkan oleh atau timbul berhubung dengan sebarang kesilapan atau tindakan anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada kecuaian, salah laku atau pelanggaran sebarang Terma dan Syarat ini oleh anda).

7. Am

- 7.1 Kami memiliki hak untuk menyemak semula caj penggunaan perkhidmatan DuitNow pada bila-bila masa, dengan membagi tiga puluh (30) hari notis bertulis kepada anda. Penyemak semula tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut. Jika anda teruskan penggunaan perkhidmatan DuitNow selepas pengeluaran notis tersebut, anda dianggap telah bersetuju dan terima penyemak semula tersebut.
- 7.2 Anda mengakui bahawa kami boleh menamatkan penggunaan perkhidmatan DuitNow anda tanpa sebarang sebab, dengan memberi anda notis.
- 7.3 Anda mengakui bahawa kami berhak untuk menukar, menyekat, mengubah, menggantung atau mengubah suai Terma dan Syarat dengan membagi tiga puluh (30) hari notis yang kami anggap sesuai.
- 7.4 Anda bersetuju bagi kami memperolehi, menggunakan atau mendedaharkan Data Peribadi (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) oleh kami, Ahli gabungan kami, pembekal perkhidmatan kami dan Pengendali DuitNow seperti yang diperlukan untuk tujuan perkhidmatan DuitNow.
- 7.5 Terma dan Syarat ini ditadbir dan hendaklah ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan semua pihak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia.